



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Polis (Pindaan) 1987

DR.25/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Polis (Pindaan) 1987. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 26 Akta Polis 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong perkataan “kanan” dalam subseksyen (1). Pindaan seksyen 26. 41/67.
3. Seksyen 27 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 27.
 - (a) dengan memotong perkataan “kanan” dalam subseksyen (1);
 - (b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (2A), (2B), (2c) dan (2D) yang berikut:

“(2A) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat oleh suatu pertubuhan atau bersesama oleh tiga orang individu.

(2B) Jika sesuatu permohonan dibuat bersesama oleh tiga orang individu, maka pegawai polis yang kepadanya permohonan

dibuat hendaklah menolak permohonan itu kiranya dia berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang baginya lesen dipohonkan itu adalah pada hakikat sebenarnya dimaksudkan untuk diadakan, dikumpulkan atau dibentuk oleh sesuatu pertubuhan.

(2c) Jika sesuatu permohonan dibuat bersesama oleh tiga orang individu, maka pegawai polis yang mengeluarkan lesen hendaklah menyatakan dalam lesen itu nama orang-orang itu sebagai pemegang lesen.

(2D) Tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah subseksyen (2) atas permohonan suatu pertubuhan yang tidak didaftarkan atau selainnya diiktirafkan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang tak mematuhi apa-apa perintah yang diberikan di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1) atau subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan.”;

(d) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (4), subseksyen baru (4A) yang berikut:

“(4A) Jika mana-mana syarat lesen yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dilanggar, maka pemegang-pemegang lesen adalah melakukan suatu kesalahan.”;

(e) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “dan semua orang yang” dalam subseksyen (5), perkataan-perkataan “hadir, dijumpai di atau”;

- (f) dengan memasukkan, sebelum sahaja perkataan “mengadakan” dalam subseksyen (5), perkataan-perkataan “atau bersangkut-paut dengan”;
- (g) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (5), subseksyen baru (5A), (5B) dan (5c) yang berikut:

“(5A) Dalam apa-apa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (5) kerana menghadiri, dijumpa di atau mengambil bahagian dalam suatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang berupa suatu perhimpunan haram, maka tidaklah menjadi suatu pembelaan bahawa orang yang dipertuduh itu tidak tahu yang perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu adalah suatu perhimpunan haram ataupun tidak tahu akan fakta-fakta atau hal-hal keadaan yang menjadikan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu suatu perhimpunan haram.

(5B) Dalam apa-apa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (5) kerana menghadiri atau dijumpa di suatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang berupa suatu perhimpunan haram, adalah menjadi satu pembelaan bahawa kehadiran orang yang dipertuduh itu berlaku disebabkan hal keadaan ikhlas dan bahawa dia tidak ada niat sebaliknya untuk bersekutu dengan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu.

(5c) Bagi maksud-maksud subseksyen (5), jika ternyata daripada segala hal keadaan yang berhubungan dengan suatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan bahawa ia telah diadakan, dikumpulkan atau diarahkan oleh atau dengan penglibatan, penyertaan, bantuan, galakan, sokongan atau pembiaran sesuatu pertubuhan, maka tiap-tiap anggota

badan pengelola bagi pertubuhan itu hendaklah disifatkan telah mengambil bahagian dalam atau bersangkutan-paut dengan mengadakan, mengumpulkan atau mengarahkan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia tidak tahu ataupun tidak mempunyai apa-apa sebab bagi mempercayai atau mengesyaki bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu hendak diadakan atau, jika ia tahu ataupun mempunyai sebab bagi mempercayai atau mengesyaki seperti yang tersebut dahulu, dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah daripada diadakan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu atau, jika bukanlah dengan munasabah dalam kuasanya untuk mencegah sedemikian, dia telah secara terbuka membantah atau memisahkan dirinya dari usaha mengadakan, mengumpulkan atau mengarahkan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu.”;

- (h) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan yang berikut:

“(8) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun.”; dan

- (i) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (8), subseksyen baru (8A) yang berikut:

*N.M.B.
Bab 6.*

“(8A) Seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini.”.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 27, seksyen baru 27A, 27B dan 27c yang berikut: Seksyen baru 27A, 27B dan 27c.

“Kuasa untuk menghentikan aktiviti-aktiviti tertentu yang diadakan di tempat selain daripada di suatu tempat awam.

27A. (1) Jika apa-apa aktiviti berlangsung di atas atau di dalam mana-mana tanah atau premis yang tidak merupakan suatu tempat awam dan—

- (a) aktiviti itu ditujukan kepada, atau dimaksud untuk disaksikan atau didengar atau disertai oleh, orang-orang di luar tanah atau premis itu, atau dari segala hal keadaan ia dapat difahamkan sebagai ditujukan atau dimaksudkan sedemikian; atau
- (b) aktiviti itu menarik kehadiran dua puluh orang atau lebih di luar tanah atau premis itu; atau
- (c) aktiviti itu mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan keamanan,

maka mana-mana pegawai polis boleh memerintahkan orang-orang yang terlibat dalam aktiviti itu menghentikan aktiviti itu dan boleh memerintahkan semua orang yang dijumpa di atas atau di dalam atau di luar tanah atau premis itu bersurai.

(2) Mana-mana orang yang tak mematuhi mana-mana perintah yang diberikan di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika tiga orang atau lebih abai atau enggan mematuhi mana-mana perintah yang diberikan di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1), maka aktiviti yang berkenaan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu aktiviti haram, dan semua orang yang mengambil bahagian dalam atau bersangkutan-paut dengan aktiviti itu, atau yang mengambil bahagian

dalam atau bersangkutan-paut dengan usaha mengelolakan atau mengarahkan aktiviti itu, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Bagi maksud-maksud subseksyen (3), jika ternyata daripada segala hal keadaan yang berhubungan dengan suatu aktiviti bahawa aktiviti itu telah dikelolakan atau diarahkan oleh atau dengan penglibatan, penyertaan, bantuan, galakan, sokongan atau pembiaran sesuatu pertubuhan, maka tiap-tiap anggota badan pengelola bagi pertubuhan itu hendaklah disifatkan telah mengambil bahagian dalam atau bersangkutan-paut dengan mengelolakan atau mengarahkan aktiviti itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia tidak tahu ataupun tidak mempunyai apa-apa sebab bagi mempercayai atau mengesyaki bahawa aktiviti itu hendak diadakan atau, jika dia tahu atau mempunyai sebab bagi mempercayai atau mengesyaki seperti yang tersebut dahulu, dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah daripada diadakan aktiviti itu atau, jika bukanlah dengan munasabah dalam kuasanya untuk mencegah sedemikian, dia telah secara terbuka membantah atau memisahkan dirinya dari usaha mengelolakan atau mengarahkan aktiviti itu.

(5) Mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki melakukan apa-apa kesalahan di bawah seksyen ini.

(6) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

*N.M.B.
Bab 6.*

(7) Seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini.

Penggunaan
kekerasan
dalam
menyuraikan
atau
menangkap
orang-
orang
menurut
seksyen 27
atau 27A.

27B. Jika orang-orang diperintahkan supaya bersurai menurut seksyen 27 (3) atau 27A (1) dan tidak bersurai, maka mana-mana pegawai polis atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi membantu seseorang pegawai polis boleh melakukan segala perkara yang perlu untuk menyuraikan mereka dan untuk menangkap mereka atau mana-mana antara mereka menurut seksyen 27 (6) atau 27A (5), dan, jika mana-mana orang memberi tentangan, boleh menggunakan kekerasan yang semunasabahnya perlu untuk mengatasi tentangan itu.

Keizinan
untuk
mendakwa
kesalahan-
kesalahan
di bawah
seksyen
27 atau
27A.

27C. (1) Sesuatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 27 atau 27A tidaklah boleh dimulakan kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya, tetapi seseorang yang akan dipertuduh atas kesalahan itu boleh ditangkap, atau suatu waran untuk menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan, dan dia boleh ditahan dalam jagaan atau dilepaskan dengan ikat jamin, walaupun izin Pendakwa Raya berkenaan dengan permulaan pendakwaan bagi kesalahan itu belum lagi didapati, tetapi kes itu tidaklah boleh didakwa seterusnya sehingga izin telah didapati.

(2) Apabila seseorang dibawa ke hadapan mahkamah atas suatu pertuduhan di bawah seksyen 27 atau 27A sebelum Pendakwa Raya telah mengizinkan pendakwaan itu, pertuduhan itu hendaklah dibaca dan diterangkan kepadanya tetapi dia tidaklah boleh diminta mengaku atas pertuduhan itu, dan peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah hendaklah diubahsuai sewajarnya.”.

*N.M.B.
Bab 6.*

Pindaan
seksyen 30.

5. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "dengan kelulusan Menteri," dalam subseksyen (1).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Polis 1967.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 26 Akta untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis mendirikan sekatan jalan. Pada masa sekarang hanya pegawai kanan polis sahaja mempunyai kuasa tersebut.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 27. *Fasal 3 (a)* bertujuan meminda subseksyen (1) untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis yang berkebenaran untuk mengarahkan perjalanan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan di tempat-tempat awam. Pada masa sekarang hanya pegawai-pegawai kanan polis sahaja yang boleh dibenarkan menjalankan kuasa itu. *Fasal 3 (b)* bertujuan memperkenalkan subseksyen baru (2A), (2B), (2C) dan (2D) yang mengandungi peruntukan-peruntukan tambahan yang berhubungan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengadakan atau mengumpulkan apa-apa perhimpunan atau perjumpaan atau bagi membentuk suatu perarakan di mana-mana tempat awam. Permohonan yang sedemikian hendaklah dibuat oleh suatu pertubuhan atau bersesama oleh tiga orang individu. Sesuatu permohonan yang dibuat oleh tiga orang individu hendaklah ditolak jika perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu pada hakikat sebenarnya dimaksud untuk diadakan, dikumpulkan atau dibentuk oleh suatu pertubuhan. Tiada lesen boleh dikeluarkan atas permohonan suatu pertubuhan yang tidak didaftarkan atau diiktirafkan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia. *Fasal 3 (c)* mengkanunkan semula subseksyen (4) (a) yang sedia ada. *Fasal 3 (d)* bertujuan memperkenalkan subseksyen baru (4A) (menggantikan subseksyen (4) (b) yang sedia ada) yang meletakkan liabiliti jenayah ke atas pemegang-pemegang lesen kiranya berlaku apa-apa pelanggaran terhadap syarat-syarat sesuatu lesen. *Fasal 3 (e)* bertujuan meminda subseksyen (5) supaya ia menjadi suatu kesalahan bukan sahaja kerana mengambil bahagian dalam sesuatu perhimpunan haram, seperti sekarang ini, tetapi juga kerana menghadirinya dan dijumpa di situ. *Fasal 3 (f)* juga bertujuan meminda subseksyen (5) supaya, dalam hal di mana tiada lesen telah dikeluarkan, ia menjadi suatu kesalahan bukan sahaja kerana mengambil bahagian dalam mengadakan, mengumpulkan atau mengarahkan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang berkenaan, seperti sekarang ini, tetapi juga kerana ada sangkut-paut dengan apa-apa jua aktiviti yang

sedemikian itu. *Fasal 3 (g)* bertujuan memperkenalkan subseksyen baru (5A), (5B) dan (5C). Subseksyen (5A) menetapkan bahawa ketiadaan pengetahuan berhubungan dengan sifat haram sesuatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan tidaklah boleh menjadi pembelaan kepada pertuduhan kerana menghadiri, dijumpai di atau mengambil bahagian dalam suatu perhimpunan haram. Subseksyen (5B) mengadakan peruntukan mengenai pembelaan berdasarkan hal-hal keadaan ikhlas. Subseksyen (5C) menjadikan tiap-tiap anggota badan pengelola sesuatu pertubuhan secara *prima facie* bertanggung atas kesalahan kerana mengambil bahagian dalam atau ada sangkut-paut dengan mengadakan, mengumpulkan atau mengarahkan sesuatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang tak berlesen jika pertubuhan itu telah terlibat dalam mengadakan, mengumpulkan atau mengarahkan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu. *Fasal 3 (h)* bertujuan, dengan menggantikan subseksyen (8), untuk menambah penalti kerana sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27 kepada denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun. *Fasal 3 (i)* bertujuan memasukkan subseksyen (8A) yang memperuntukkan bahawa seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah, yang membenarkan pesalah-pesalah dilepaskan dengan bersyarat atau tanpa syarat, tidaklah terpakai bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27.

4. *Fasal 4* bertujuan memperkenalkan seksyen baru 27A, 27B dan 27C. Seksyen 27A adalah berkenaan dengan aktiviti-aktiviti tertentu yang diadakan di atas atau di dalam mana-mana tanah atau premis yang tidak merupakan suatu tempat awam. Aktiviti-aktiviti itu adalah aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan bagi orang-orang yang di luar tanah atau premis itu, atau yang menarik kehadiran dua puluh orang atau lebih di luar tanah atau premis itu, atau yang memudaratkan keselamatan atau mengganggu keamanan. Mana-mana pegawai polis diberikuasa untuk memberhentikan sesuatu aktiviti yang sedemikian itu dan memerintahkan orang-orang yang terlibat itu bersurai. Jika tiga orang atau lebih enggan bersurai, maka aktiviti itu disifatkan suatu aktiviti haram dan semua orang yang terlibat dalam aktiviti itu adalah bersalah melakukan suatu kesalahan. Jika aktiviti itu dikelolakan atau diarahkan dengan penglibatan sesuatu pertubuhan, maka tiap-tiap anggota badan pengelola bagi pertubuhan itu akan secara *prima facie* bertanggung atas kesalahan itu. Penalti bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27A adalah sama seperti penalti yang ditambah bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 27. Sebagaimana juga hal dengan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27, seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidak akan terpakai berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27A. Seksyen 27B dengan nyatanya membenarkan penggunaan kekerasan yang munasabah

dalam menyuraikan orang-orang di bawah seksyen 27 atau 27A. Seksyen 27c memerlukan keizinan Pendakwa Raya sebelum memulakan pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27 atau 27A.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 30 Akta untuk menghapuskan kehendak mendapat kelulusan Menteri bagi membuat perintah-perintah melarang perkara-perkara yang disebutkan dalam seksyen itu, seperti pengibaran bendera dan penggunaan pembesar suara.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1453.]

